

16 MAY 2002

RAKYAT PATUT BANGGA DENGAN KEPIMPINAN DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 16 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia patut berbangga dengan kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga mendapat penghargaan Amerika Syarikat (AS) terhadap pendirian negara berhubung isu keganasan, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata kecemerlangan kepimpinan Perdana Menteri juga diiktiraf oleh Presiden George W Bush ketika pertemuan kedua-dua pemimpin itu di White House semalam.

"Akhirnya Malaysia diberi pengiktirafan yang sewajarnya walaupun ia sepatutnya diberi lebih awal," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan geran RosettaNet Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kepada dua buah syarikat di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Bush yang menghargai fungsi Malaysia membantu menangani kejadian keganasan.

Dr Koh berharap pertemuan kedua-dua pemimpin itu dapat meningkatkan pelaburan dan perdagangan antara kedua-dua negara dan membawa manfaat kepada usaha mengembalikan keamanan sedunia.

Beliau berkata lawatan Perdana Menteri ke AS adalah lawatan yang bersejarah dan bermakna, dan berharap beliau terus memimpin bukan sahaja Malaysia malahan negara-negara membangun.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghormatan yang setingginya kepada Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

ZU NMO